

UKM tubuh Institut Pengajian Oksidental

UM - 4 AUG 2003

KUALA LUMPUR 3 Ogos – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terpilih menawarkan Kursi Pengajian Eropah akan menubuhkan sebuah unit khas dengan nama Institut Pengajian Oksidental sedikit masa lagi.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Mohamed Salleh Yassin berkata, institut tersebut akan menumpukan kepada bidang penyelidikan dan perkembangan kktamadunan Eropah dari peringkat awal sehingga yang terkini.

“Ia bukan sahaja berkisar terhadap sejarah tetapi akan turut meliputi bidang sains, teknologi maklumat dan pelbagai perkara lagi.

“Dari segi kemampuan pula, UKM tidak mempunyai sebarang masalah baik dari segi tenaga pengajar mahupun prasarana yang lain,” katanya ketika dihubungungi *Utusan Malaysia* di sini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas persetujuan Kabinet Rabu lalu untuk menubuhkan Kursi Pengajian Eropah di UKM dan Institut Pemikiran Dr. Mahathir di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Menurut Mohamed Salleh, sebagai sebuah universiti terulung di negara ini, UKM sememangnya bersedia untuk bersama-sama merealisasikan aspirasi negara.

“Sebenarnya kertas kerja mengenai penubuhan institut ini telah lama disiapkan dan jika diikuti perancangan, institut ini akan diketuai oleh seorang pengarah, beberapa orang fellow dan juga pensyarah termasuk pensyarah jemputan.

“Bagaimanapun, institut ini hanya akan menawarkan tempat untuk pelajar pasca siswazah sahaja,” jelasnya.

Katanya lagi, UKM amat berbangga kerana diberi kepercayaan untuk melaksanakan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan ini merupakan satu amanah yang perlu ditunaikan.

Sementara itu bagi merealisasikan Institut Pemikiran Dr. Mahathir, Universiti Utara Malaysia (UUM) bercadang untuk tidak mengehendkan kajian dalam bidang politik semata-mata sebaliknya turut meliputi pelbagai isu dan idea yang pernah dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia itu.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri berkata, Institut Pemikiran Dr. Mahathir akan turut mencakupi isu-isu ekonomi termasuklah Dasar Pandang Ke Timur dan Persyarikatan Malaysia.

Selain itu, katanya, ia akan menumpukan perhatian kepada

aspek sosio budaya dan ketahanan nasional yang sering dicetuskan sepanjang kepimpinan Perdana Menteri.

Beliau berkata, banyak lagi aspek lain yang merupakan gagasan Dr. Mahathir Mohamad dapat diketengahkan sebagai bahan penyelidikan di institut berkenaan tetapi ia terlalu luas untuk diuraikan satu persatu.

“Ia termasuklah bagaimana kestabilan politik negara dan keamanan serantau dapat dicapai di bawah kepimpinan beliau,” katanya.

Ahmad Fawzi seterusnya menambah, UUM turut merasa bertuah dan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan di atas kepercayaan yang diberikan itu.

“Ia merupakan satu penghormatan kepada UUM mengendalikan sebuah institut yang cukup berprestij,” kata beliau.